

SOALAN NO. 63**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 3 OGOS 2017

SOALAN :

YB Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah kes mufliis yang telah direkodkan sepanjang tempoh 2014 hingga Januari 2017 yang berpunca daripada pembiayaan peribadi serta apakah strategi Kerajaan dalam mengurangkan kadar hutang isi rumah yang kian meningkat.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi), statistik terkini sejak tahun 2014 hingga bulan Mei 2017 menunjukkan seramai 67,963 orang diisytiharkan bankrap dan daripada jumlah tersebut seramai 18,309 orang (26.94%) diisytiharkan bankrap disebabkan oleh pinjaman peribadi.

Tahun 2016 mencatatkan jumlah kebankrapan disebabkan pinjaman peribadi yang tertinggi iaitu seramai 6,133 orang diikuti tahun 2015 seramai 5,228 orang dan seramai 4,906 orang bagi tahun 2014. Tempoh 5 bulan pertama bagi tahun 2017 pula mencatatkan seramai 2,042 orang diisytiharkan bankrap disebabkan oleh pinjaman peribadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara strategi Kerajaan untuk mengurangkan beban hutang rakyat adalah melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia yang mengadakan program-program memberi kesedaran mengenai kebankrapan terutamanya implikasi kebankrapan kepada semua golongan supaya masalah ini dapat ditangani di peringkat awal lagi.

Mdi juga merancang untuk meluaskan jaringan perhubungan kerjasama *outreach programme* dengan badan-badan berkanun dan badan-badan bukan Kerajaan melalui *Consultative Meeting* bersama Rakan-rakan

Strategik Mdl, aktiviti *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang akan dijalankan di cawangan-cawangan Mdl dan *roadshow* yang menyasarkan penglibatan orang awam dan individu yang dijatuhkan perintah kebangkrapan secara khusus, bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam akan masalah keberhutangan yang serius.

Selain itu, Mdl turut membantu dalam aspek pentadbiran kes kebangkrapan supaya bankrap boleh keluar daripada kebangkrapan dengan cepat dan diberi peluang kedua. Pada masa kini, Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] telah memperuntukkan empat (4) kaedah atau cara bagaimana seseorang bankrap untuk keluar dari kebangkrapannya iaitu:

- (i) pelepasan oleh mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360;
- (ii) pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A Akta 360;
- (iii) pembatalan di bawah seksyen 105 Akta 360; dan
- (iv) komposisi (*composition*) atau skim penyusunan (*scheme of arrangement*) hutang di bawah seksyen 26 Akta 360.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa peruntukan Mekanisme Penyelamat melalui Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 [Akta A1534] yang mana sebelum perintah kebangkrapan diberikan oleh mahkamah, penghutang diberi peluang menyusun semula hutang dengan kerjasama pihak pemiutang atau institusi kewangan berasaskan kerangka perundangan insolvensi seperti penyusunan sukarela individu (*Individual Voluntary Arrangement* – IVA). Mekanisme Penyelamat bertaraf

antarabangsa ini akan dikendalikan dengan bantuan AKPK dan *nominee* yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Insolvency.

Sekian, terima kasih.